

NOTA:

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan Max Step-Up (ini merupakan suatu produk insurans). Sila pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan:

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")

Nama Produk : Max Step-Up

Tarikh : 24/03/2023

1. Apakah produk ini?

Max Step-Up ialah pelan universal life seumur hidup dengan bayaran terhad tanpa penyertaan dalam keuntungan berserta tempoh perlindungan sehingga ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 100 tahun hari jadi berikut yang menawarkan kombinasi pelaburan dan perlindungan terhadap Kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD").

Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang disediakan?

Premium Tahunan Asas bagi pelan ini ialah RM

Pelan ini menawarkan:

i. Manfaat Kematian atau TPD

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia selain daripada bukan akibat kemalangan atau TPD bagi hayat yang diasuranskan selain daripada bukan akibat kemalangan berlaku sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, mana yang lebih tinggi daripada perkara berikut akan dibayar:

a) pembayaran manfaat dinyatakan seperti di bawah;

Tahun Polisi	Pembayaran Manfaat
Pertama hingga ke-2	100% daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar
ke-3 dan selanjutnya	Manfaat Kematian Dijamin

atau

b) Nilai Akaun Polisi Asas, selepas ditolak sebarang hutang (jika ada).

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia akibat kemalangan atau TPD bagi hayat yang diasuranskan akibat kemalangan berlaku sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, mana yang lebih tinggi daripada perkara berikut akan dibayar:

a) Manfaat Kematian Dijamin; atau

b) Nilai Akaun Polisi Asas, selepas ditolak sebarang hutang (jika ada).

Pembayaran manfaat TPD tertakluk pada syarat berikut:

a) Jika Nilai Akaun Polisi Asas melebihi Manfaat Kematian Dijamin, 100% Nilai Akaun Polisi Asas akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus dan polisi akan ditamatkan, atau

b) Jika Nilai Akaun Polisi Asas lebih rendah daripada Manfaat Kematian Dijamin,
- Jika Jumlah Asurans Bersih[^] bersamaan atau kurang daripada RM2,000,000, Jumlah Asurans Bersih tidak melebihi RM2,000,000 dan Nilai Akaun Polisi Asas akan dibayar;

- Jika Jumlah Asurans Bersih[^] melebihi RM2,000,000, Jumlah Asurans Bersih tidak melebihi RM2,000,000 dan Nilai Akaun Polisi Asas pro rata akan dibayar. Manfaat Kematian akan diteruskan dan akan dilaras secara berkadar.

c) Sementara itu, had TPD keseluruhan sebanyak RM10,000,000 akan digunakan ke atas satu hayat bagi semua saluran agihan (tidak termasuk polisi berkelompok) menurut syarat pembayaran ansuran TPD semasa.

Syarat di atas adalah tidak menyeluruh, sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

[^]Jumlah Asurans Bersih = Manfaat Kematian Dijamin ditolak Nilai Akaun Polisi Asas

ii. Manfaat Matang

Apabila hayat yang diasuranskan masih hidup sehingga tarikh matang polisi, Nilai Akaun Polisi Asas selepas ditolak sebarang hutang (jika ada) akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan: Sehingga ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 100 tahun hari jadi berikut atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- a) Anggaran premium yang anda perlu bayar bagi pelan ini ialah RM. _____ Tahunan
 b) Tempoh premium: 5 tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Syarikat memperuntukkan sebahagian premium pada Akaun Polisi Asas. Sebarang premium tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara dan perbelanjaan lain Syarikat. Anda dinasihatkan agar merujuk kadar peruntukan dan butiran lain yang dinyatakan dalam Ilustrasi Jualan.

Premium akan kekal sama sepanjang tempoh premium.

Sila pastikan anda menerima dan menyimpan resit rasmi yang dikeluarkan komputer semasa membuat bayaran sebagai bukti pembayaran premium.

Perlindungan insurans sementara akan diberi dari tarikh penerimaan pembayaran premium. Sila rujuk Sijil Perlindungan Sementara Bersyarat untuk terma dan syarat bagi tempoh perlindungan sementara tersebut sehingga tarikh keluaran polisi.

Kontrak Polisi akan dihantar kepada kakitangan jualan bank anda dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh keluaran polisi.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

a) Caj Insurans

- Caj insurans akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Polisi Asas. Caj insurans dikenakan bagi perlindungan insurans untuk kematian dan TPD, serta berbeza mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina dan status merokok, mana yang berkenaan. Caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat.
- Apabila Manfaat Kematian Dijamin melebihi Nilai Akaun Polisi Asas pada permulaan suatu bulan polisi (selepas menolak Yuran Polisi bulanan dan menambah Premium Diperuntukkan (jika ada) bagi bulan tersebut), perbezaan adalah tertakluk pada caj insurans.
- Caj insurans bagi kematian bukan akibat kemalangan dan TPD bukan akibat kemalangan semasa 2 tahun polisi pertama akan diketepikan.
- Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa. Syarikat berhak menyemak semula caj insurans pada ulang tahun polisi, iaitu semakan semula (jika ada) akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan pada semua polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

b) **Yuran Polisi** - Suatu caj pentadbiran sebanyak RM7 akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Polisi Asas.

c) **Caj Pengurusan Dana** - 0.5% setahun akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan ke dalam Akaun Polisi Asas, bagi menampung kos pengurusan pelaburan aset.

d) **Caj Tambahan** - untuk ditolak seperti ditunjukkan di bawah dan akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan ke dalam Akaun Polisi Asas, bagi menampung kos sesetengah manfaat dijamin di bawah polisi ini.

Tahun Polisi	Caj Tambahan (setahun)
Pertama hingga ke-20	0.5%
ke-21 dan ke atas	0.0%

e) Caj Serahan

- Apabila polisi asas diserahkan sepenuhnya atau serahan sebahagian bagi Akaun Polisi Asas apabila Premium Asas dikurangkan, Caj Serahan akan dikenakan ke atas amaun yang diserahkan daripada Akaun Polisi Asas selepas menolak hutang (jika ada).
- Skala Caj Serahan seperti berikut:

Tahun Polisi	Caj Serahan (% daripada amaun serahan daripada Akaun Polisi Asas)
Pertama	10%
ke-2	9%
ke-3	8%
ke-4	7%
ke-5	6%
ke-6	5%
ke-7	4%
ke-8	3%
ke-9	2%
ke-10	1%
ke-11 dan selanjutnya	0%

Nota:

- a) Semua premium yang dibayar oleh Organisasi Perniagaan selain daripada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad tertakluk pada cukai perkhidmatan semasa yang dikenakan kerajaan.
- b) Yuran dan caj adalah tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak semula yuran dan caj pada ulang tahun polisi dengan memberi notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu. Butiran caj insurans serta yuran dan caj lain bagi pelan ini diberi dalam Ilustrasi Jualan.
- c) Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi komisen yang dibayar kepada Bank.
- d) Sebagai tambahan pada Caj Pengurusan Dana dan Caj Tambahan, cukai pelaburan juga akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan ke dalam Akaun Polisi Asas.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- a) **Kepentingan untuk membuat pendedahan** – anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material dan umur dengan betul.
- b) **Tempoh memerhati bebas** – anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas menerimanya. Nilai Akaun Polisi Asas, sebarang premium tidak diperuntukkan, caj insurans dan yuran polisi yang telah ditolak akan dibayar balik kepada anda.
- c) **Nilai Akaun Polisi Asas** - merujuk pada nilai yang berhak diterima oleh pemegang polisi di bawah polisi ini. Syarikat mungkin melabur aset yang menyokong polisi ini dengan cara yang ditentukan Syarikat. Pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan selepas menolak cukai pelaburan, Caj Pengurusan Dana dan Caj Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun sebagai pulangan kredit. Premium yang diperuntukkan (tidak termasuk sebarang premium yang dibayar terlebih dahulu) akan diperuntukkan ke dalam Akaun Polisi Asas. Semua caj yang berkenaan bagi polisi ini, contohnya caj insurans dan yuran polisi akan ditolak daripada Akaun Polisi Asas. Nilai akaun anda mungkin akan terjejas disebabkan premium tidak dibayar, yuran dan caj yang berulang serta prestasi pelaburan yang tidak memuaskan.
- d) **Manfaat Kematian Dijamin** - peratusan daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar dan akan dibayar jika kematian atau TPD berlaku seperti di bawah. Sila ambil perhatian bahawa Syarikat hanya akan membayar balik 100% daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar sekiranya kematian atau TPD bukan akibat kemalangan berlaku pada tahun polisi pertama dan kedua.

Tahun Polisi	% daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar			
	Umur Kemasukan Hari Jadi Berikut (17 hingga 49)		Umur Kemasukan Hari Jadi Berikut (50 hingga 70)	
	Nilai Akaun Polisi Asas lebih daripada sifar	Nilai Akaun Polisi Asas bersamaan atau kurang daripada sifar	Nilai Akaun Polisi Asas lebih daripada sifar	Nilai Akaun Polisi Asas bersamaan atau kurang daripada sifar
Pertama hingga ke-10	105%	105%	105%	105%
ke-11 hingga ke-16	110%	110%	110%	110%
ke-17 hingga ke-25	120%	120%	120%	120%
ke-26 hingga ke-30	150%	150%	150%	150%
ke-31 hingga ke-35	300%	150%	200%	150%
ke-36 hingga ke-39	300%	150%	300%	150%
ke-40 hingga ke-45	350%	200%	300%	200%
ke-46 hingga ke-50	350%	200%	350%	200%
ke-51 hingga ke-55	400%	300%	-	-
ke-56 hingga ke-65	500%	300%	-	-
ke-66 hingga ke-75	600%	300%	-	-
ke-76 hingga ke-83	700%	400%	-	-

- e) **Premium Asas** - premium modal berkala yang telah dibayar bagi pelan asas tidak termasuk sebarang premium yang dibayar terlebih dahulu.
- f) **Premium Asas Tahunan** - Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar bagi satu tahun polisi.
- g) Dalam kes polisi cagaran apabila pembayaran manfaat (termasuk manfaat tidak dijamin) semasa matang telah ditentukan untuk membiayai kemudahan kredit, sila ambil perhatian bahawa pembayaran manfaat matang sebenar mungkin tidak mencukupi untuk menyelesaikan amaun tunggakan pinjaman selepas mengambil kira kebolehubahan manfaat tidak dijamin.
- h) **Kadar Kredit** – Kadar Kredit diisytiharkan setiap bulan dan pulangan akan dikreditkan ke dalam Akaun Polisi Asas. Ia tidak dijamin dan ditentukan mengikut budi bicara Syarikat. Kadar Kredit yang lebih tinggi mungkin diisytiharkan jika prestasi pelaburan adalah baik dan sebaliknya, Kadar Kredit lebih rendah atau negatif mungkin diisytiharkan jika prestasi pelaburan adalah teruk. Kadar Kredit yang negatif akan menyebabkan pengurangan Nilai Akaun Polisi Asas.
- i) **Tempoh tenggang** – Suatu tempoh tenggang selama 30 hari daripada setiap premium yang perlu dibayar diberi kepada anda untuk membayar premium berikutnya.
- j) **Premium tidak dibayar** – sebarang premium yang dibayar selepas tempoh tenggang akan dikenakan faedah premium lampau tempoh pada kadar yang akan ditentukan Syarikat, kadar faedah semasa boleh didapati melalui laman sesawang Syarikat. Pembayaran premium lampau tempoh tidak berhak menerima Kadar Kredit yang telah ditentukan sebelum pembayaran. Faedah premium lampau tempoh yang telah dibayar tidak akan diperuntukkan ke dalam Akaun Polisi Asas. Syarikat mungkin menolak yuran dan caj bulanan bagi Manfaat Asas daripada Nilai Akaun Polisi Asas bagi polisi, untuk semua keadaan yang termasuk namun tidak terhad apabila sebarang premium yang perlu dibayar masih belum dibayar, yang mungkin menyebabkan Nilai Akaun Polisi Asas dikurangkan.
- k) **Serahan** – Apabila polisi diserahkan, Nilai Akaun Polisi Asas (selepas ditolak hutang dan Caj Serahan, jika ada) akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.
- l) **Polisi Luput** – tertakluk pada Jaminan Tidak Luput, polisi akan luput apabila Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan yuran polisi.
- m) **Jaminan Tidak Luput** – polisi akan kekal berkuat kuasa walaupun Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi untuk menolak yuran polisi dan caj insurans pada tarikh penolakan bulanan, dengan syarat semua premium yang perlu dibayar dan faedah premium lampau tempoh (jika ada) dibayar sehingga terkini. Sebarang yuran polisi yang belum dibayar dan caj insurans yang dikenakan akan terkumpul dan anda hendaklah membuat bayaran. Semasa tempoh Jaminan Tidak Luput, semua manfaat di bawah polisi akan diteruskan. Syarikat akan menolak yuran polisi dan caj insurans terkumpul yang belum dibayar:
 - i) apabila premium dibayar;
 - ii) semasa serahan sebahagian atau penuh bagi Akaun Polisi Asas; atau
 - iii) daripada sebarang manfaat atau tuntutan yang boleh dibayar di bawah polisi ini.
- n) **Tuntutan** – jika tuntutan berlaku, pihak yang menuntut mestilah memaklumkan kepada Syarikat dengan secepat mungkin, berserta keterangan berdokumen seperti yang diperlukan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- a) Kematian dalam tahun polisi pertama dari Tarikh Permulaan Risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- b) TPD sedia wujud sebelum Tarikh Permulaan Risiko atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- c) TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- d) TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- e) TPD akibat hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- f) TPD akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- g) Kematian akibat kemalangan tidak akan dibayar sekiranya kematian hayat yang diasuranskan tidak berlaku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kemalangan.
- h) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan akibat bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- i) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak disebabkan dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan.
- j) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- k) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.
- l) Kematian akibat kemalangan atau TPD disebabkan penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- m) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh hayat yang diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap.
- n) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- o) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - 35 mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
 - 80 mg alkohol bagi setiap 100ml darah
 - 107 mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing.
- p) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan, akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila hayat yang diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.
- q) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.
- r) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- s) Kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan disebabkan penglibatan hayat yang diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Ya, anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang polisi ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Membeli polisi hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium dalam tempoh tenggang 30 hari, ciri Jaminan Tidak Luput akan terbatal dan polisi anda mungkin luput jika Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi. Amaun tunai yang dibayar oleh Syarikat apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang mungkin berkurangan daripada amaun premium keseluruhan yang anda telah bayar.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya atau penama?

Anda hendaklah memaklumkan Syarikat jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda atau penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda atau penama dengan sepatutnya.

9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans hayat, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern, 303, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8888

E-mel : bancadmin@greatasteernlife.com

Customer Service Careline : 1300-1300 88

Laman sesawang: greatasteernlife.com

Faks : (603) 4813 0506

OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

Ibu Pejabat: Menara OCBC, No. 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan (603) 8317 5000

Laman sesawang: www.ocbc.com.my

10. Jenis perlindungan lain yang serupa?

Sila semak dengan kakitangan jualan OCBC Bank anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN KAKITANGAN JUALAN BANK ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM ([layari www.pidm.gov.my](http://layari.www.pidm.gov.my)).

Istilah "Bank" merujuk kepada OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W).

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada: 24/03/2023